

## KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN DALAM SAJAK-SAJAK TERPILIH LIMA PENYAIR SABAH

A.HALIM ALI

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
[halim.ali@fbk.upsi.edu.my](mailto:halim.ali@fbk.upsi.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesepaduan stail dengan perutusan dalam sajak-sajak pilihan lima orang penyair Sabah, iaitu Ariffin Arif, Ramli AR, Hasyuda Abadi, Norawi Kata dan Sahara Jais. Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Analisis dan perbincangan dilakukan berpandukan prinsip kesepaduan dan perkaitan dalam Teori *Estetika Bersepadu* janaan Abdul Halim Ali (2010). Kajian ini dapat membuktikan bahawa unsur gaya bahasa seperti metafora, personifikasi, alusi, anafora dan hiperbole dihadirkan dengan sedar oleh penyair dan bertujuan khusus untuk menyampaikan pemikirannya tentang kebesaran tuhan, mengenal hakikat diri, kecaknaan sesama manusia dan kehebatan cinta terhadap tuhan. Hasil kajian ini juga membuktikan stail (kesepaduan gaya bahasa dengan pemikiran) bersepadu dengan perutusan yang ingin disampaikan penyair. Perutusan agamawi yang indah bagi menyedarkan pembaca bahawa kebesaran tuhan itu tergambar dalam Asma al-Husna-Nya dan membawa maka kebesaran yang benar dan maha indah. Demikian juga dengan perutusan supaya pembaca mengenal hakikat diri dan ambil peduli sesama manusia serta membawa pembaca untuk memahami nilai kehebatan cinta manusia terhadap Tuhan.

**Kata Kunci:** Kesepaduan; estetika; perutusan; perkaitan; keindahan

## THE INTEGRATION OF STYLE WITH THE MESSAGES IN THE SELECTED POEMS OF FIVE SABAH POETS

### ABSTRACT

The purpose of this study is to identify and analyze the integration of style with the messages in the selected poems of the five poets from Sabah namely Ariffin Arif, Ramli AR, Hasyuda Abadi, Norawi Kata and Sahara Jais. The study is a library research using content and descriptive analyses. Analysis and discussion are based on the principle of integration and relation based on the theory of Integrated Aesthetics proposed by Abdul Halim Ali (2010). The finding shows that the elements of style such as metaphor, personification, allusion, anaphora and hyperbole are included consciously by the poets and aim specifically to convey their thoughts about the greatness of God, to know the essence of self, the intelligence of mankind and the greatness of love towards God. The finding also proved the integration of style of the figurative language with the integrated thinking and messages the poets wanted to convey. The profound religious message to enlighten the reader of the greatness of God is illustrated in the Asma al-Husna that brings in the greatness and beauty of the truth. Similarly, the message to the reader is to know the essence of self and to care for fellow

human beings and to bring the reader to understand the value of the greatness of human love for God.

**Keywords:** Integrated; aesthetic; messages; related; beautiful

## PENGENALAN

Perkembangan puisi Islam dalam tahun-tahun 1980-an dilihat sebagai satu potensi yang boleh memberi warna baharu dalam perkembangan sastera di Sabah. Perkembangan ini dilihat agak baharu berbanding dengan perkembangan sastera Sabah yang bermula lebih awal dari itu. Sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu moden di negeri Sabah telah bermula pada sekitar tahun 1950-an sejak surat khabar menjadi wadah menampung karya-karya penulis Sabah ketika itu (Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad, 2015:24).

Menurut Jasni Matlani perkembangan ini dikatakan bermula sejak awal 1980-an sempena program Malam Pengucapan Puisi Berunsur Islam yang dianjurkan oleh pelbagai pihak termasuk Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah (JHEINS). Program yang kemudiannya ditukar nama kepada Mahrajan Sastera Islam menjadi acara tahunan dan hingga 2005 berjaya menghasilkan lebih 18 antologi puisi Islam. Perkembangan baharu dalam kesusasteraan Sabah itu turut mempengaruhi penerbitan puisi berunsur Islam di media-media massa negeri itu seperti *WADAH, Buletin Jendela Sabah, akhbar Kinabalu Sabah Times dan Daily Express*. Jasni Matlani menterjemahkan keyakinannya terhadap perkembangan puisi Islam dalam bukunya yang berjudul Perkembangan puisi Islam di negeri Sabah` terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasyuda Abadi dalam blognya juga melihat perkembangan puisi Islam dapat memberi wajah baharu dan wajah segar dalam sastera Sabah. Penganjuran Mahrajan Sastera Islam yang sebelum ini lebih dikenali sebagai Malam Mengucapan Puisi Islam anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah dan Dewan Bahasa dan Pustaka misalnya telah menjadi obor yang menyalakan dingin bayu menjadi unggul kebahagiaan penulis Sabah. Melalui aktiviti ini masyarakat telah mengenali peranan penyair dalam usaha menerapkan ajaran Islam melalui karya sastera khususnya puisi.

Sesungguhnya, Mahrajan Sastera Islam berlangsung dengan berjaya sekali. Nadwah sastera Islam menggenengah ramai tokoh dari dalam dan luar negara. Bidang penerbitan pula menzahirkan banyak buku puisi berunsur Islam. Sebanyak 18 buah antologi puisi telah diterbitkan sehingga tahun 2005. Antaranya *Antologi Puisi Kekasih* (1987), *Ujana Laut Ujana Hati* (1989), *Al-Kahfi* (1992), *Kiswah Rindu* (1993), *Qiam* (1995), *Kafilah* (1996), *Mujaddid* (1997), *Tasbih Rindu* (1998), *Cahaya* (2000), *Sapaan Bonda* (2002), *Iktikaf* (2003), *Nyanyian Iman* (2004) dan *Hadrah Cinta* (2005). Buku-buku puisi ini menjadi khazanah sastera paling penting apabila membicarakan perkembangan sastera Islam di Sabah, malah sebagai sumber penting sastera Islam nasional.

Menerusi Mahrajan Sastera Islam, ramai tokoh penyair Islam yang rancak berkarya, antaranya Pengiran Haji Adnan Pengiran Abbas (Allahyarham), Datuk Haji Jamdin Buyung, Ustaz Datuk Haji Jalidar Abdul Rahim, Datuk Haji Shuhailun Yussuf (Allahyarham), Datuk Hajah Zaiton Haji Ajamain, Datuk Hajah Noraini Datuk Haji Salleh, Haji Harun Haji Salleh (Allahyarham), Hajah Sairah Haji Antin (Allahyarhamah), Datuk Haji Mohd Ariffin Mohd Ariff, Haji A.B.M Fajeer (Allahyarham), Hasyuda Abadi dan Datuk Jasni Matlani.

## PERMASALAHAN

Meskipun ramai tokoh penyair Sabah muncul dan berkarya, namun tidak ramai yang memberi fokus pada sajak-sajak yang berunsur Islami. Daripada kalangan penyair ini terdapat segelintir yang sangat akrab dengan sajak-sajak bernada Islami, antaranya Ariffin Ariff, Sahara Jais, Ramlie AR, Jais Silai, Norawi Hj Kata dan Hasyuda Abadi.

Dalam sejarah perkembangannya, belum terdapat kajian ilmiah yang dilakukan bagi melihat dan menyoroti kekuatan dan kelebihan sajak-sajak berunsur Islam yang dihasilkan penyair Sabah. Berbeza dengan sajak-sajak berunsur Islam dalam kalangan penyair di negeri-negeri di Semenanjung yang sajak-sajak berunsur Islam ini banyak yang dijadikan sumber kajian ilmiah. Hingga ke hari ini, hanya terdapat sebuah kajian ilmiah yang dilakukan oleh ahli akademik dari Universiti Malaysia Sabah, iaitu Prof. Madya Dr. Asmiaty Amat (2014) yang mengkaji sajak-sajak Ariffin Ariff menggunakan teori *Takmilah*. Kajian lain berkaitan puisi di Sabah pernah dilakukan oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali (2006), tetapi lebih tertumpu kepada puisi tradisional lisan najat.

Dalam konteks menyubur dan memperkembangkan kemajuan puisi-puisi Islam dan tokoh penyairnya, adalah sangat wajar dan penting kajian ke atas sajak-sajak berunsur Islam yang dihasilkan penyair Sabah ini dikaji bagi membuktikan pandangan awal yang dikemukakan oleh Hashyuda Abadi dan Jasni Matlani dapat dipertahankan dan didukung bagi tujuan memajukan perkembangan dalam bidang ilmu sastera di Sabah khasnya dan di Malaysia amnya, terutama dari sudut perkembangan sajak-sajak berunsur Islam dan kekuatan nilai Islam yang dibawa oleh penyair dalam sajak-sajak mereka.

## METODOLOGI

Analisis ini adalah sebuah analisis kepustakaan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Sumber utama kajian ialah sajak-sajak terpilih dalam kumpulan puisi lima orang penyair Sabah iaitu;

1. Kumpulan puisi `Sewaktu Pesawat Runduk`, Arifin Arif (2014), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia
2. Kumpulan puisi `Jelita seorang Aisyah`, Sabara Jais (2016), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia
3. Kumpulan puisi `Akta Batin`, Norawi Hj Kata (2013), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia
4. Kumpulan puisi `Negeri Wangi`, Ramlie A.R. (2013), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia
5. Kumpulan puisi `Suara yang terbuka` Hasyuda Abadi, (2014), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia

Analisis dan perbincangan dibuat secara deskriptif berpandukan pada dua prinsip teori *Estetika Bersepadu* (2010) janaan A.Halim Ali. Dua prinsip yang dimaksudkan ialah:

- i) Kesepaduan *stail* dengan perutusan
- ii) Perkaitan *stail* dan perutusan dengan kebenaran.

## TEORI ESTETIKA BERSEPADU

Teori *Estetika Bersepadu* digagaskan oleh Abdul Halim Ali (2010) merupakan suatu pemikiran semula terhadap konsep estetik yang dikemukakan oleh penteori Barat terdahulu dan sering pula digunakan dalam kritikan estetik Melayu hingga ke hari ini. Tiga perkara baharu yang dimanfaatkan dalam teori *Estetika Bersepadu* ialah aspek pemikiran yang dimasukkan secara sepada dalam *stail*; kedua, perutusan agama sebagai salah satu prinsip yang memenjelmakan nilai estetik dalam bentuk tersirat dan ketiganya ialah konsep keadaman sebagai satu manifestasi teks kesusasteraan yang fungsional sifatnya kepada masyarakat sejajar dengan fungsi makhluk manusia (Nabi Adam a.s. sebagai manusia pertama) yang diamanahkan sebagai khalifah Allah di muka bumi.

## MANUSIA SUMBER MEMAHAMI MAKNA KEINDAHAN PENCIPTAAN ADAM A.S

Nabi Adam a.s. ialah makhluk manusia pertama diciptakan Allah SWT. Kisah penciptaan Nabi Adam a.s. banyak dikisahkan dalam al-Quran, Hadis dan juga kitab-kitab sejarah Islam. Dua petikan maksud Firman Allah SWT di atas (dalam Surah *at-Tiin*:4 dan Surah *al-Israak*:70) memberitahu tentang penciptaan nabi Adam a.s. sebagai penciptaan yang sebaik-baiknya dan kelebihan (kesempurnaan) berbanding dengan makluk-makhluk yang lain. Adam diciptakan daripada tanah, manakala iblis diciptakan daripada api dan malaikat diciptakan daripada cahaya.

Penciptaan makhluk manusia pertama yang sempurna dan diberikan namanya Adam itu terdiri daripada dua unsur, iaitu jasmani dan rohani. Dalam bentuk jasmani, al-Quran menyebutkannya dalam beberapa ayat seperti dalam Surah *al-Mukminun*:12, (maksud:dari pati tanah), surah *al-Saffat*:11 (maksud: dari tanah liat dan sebat), Surah *al-Hijr*, ayat 28 (maksud: dari tanah yang panas dan berbau), Surah *ar-Rahman*:14 (maksud: dari tanah keras seperti tembikar), Surah *an-Najm*:32 (Maksud: dari tanah bumi) dan peringkat akhir penciptaan jasad apabila roh dimasukkan ke dalamnya disebut dalam Surah *al-Hijr*:29 (maksud: kemudian bila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaank-Ku), maka hendaklah kamu sujud kepadanya).

Dalam hal penciptaan manusia ini, Haron Din, *et al* (1997) menjelaskan bahawa kejadian manusia adalah sebaik-baik dan seindah-indah kejadian, iaitu keindahan yang teradun daripada unsur jasmani dan rohani. Unsur jasmani manusia (*al-Khalaq*) meskipun indah, namun keindahan itu tidak sempurna tanpa penyepaduan dengan unsur rohani (*al-Khuluq*), supaya ia benar-benar menepati dengan makna `fi ahsani taqwim` dalam sebaik-baik kejadian.

Hakikat kejadian manusia ini, membuktikan bahawa proses kesempurnaan dan kemantapan boleh berlaku atau dilakukan secara menyepaduan beberapa unsur menjadi satu sifat yang mantap. Selanjutnya Haron Din menyebutkan:

Walaupun manusia dicipta daripada dua unsur yang berbeza dan bercanggah, tetapi dengan kekuasaan Allah yang memiliki unsur-unsur dan undang-undangnya telah mencantumkan (menyepadukan-pengkaji) kedua-dua unsur tersebut dalam satu kejadian yang dinamakan manusia. Kegiatan kedua-dua unsur tersebut hanya akan dapat melukiskan `ciptaan` seni hidup yang indah dan bernilai jika berpandukan acuan yang ditentukan oleh Maha Penciptanya.

(Haron Din, *et al*, 1997:8)

Kesempurnaan kejadian manusia merupakan manifestasi keindahan hakiki bersumberkan daripada keindahan Allah S.W.T. Manusia sebagai makhluk ciptaan yang paling indah (sempurna) ditunjuki Allah S.W.T. kepada manusia bahawa kesempurnaan (keindahan) itu terhasil daripada satu proses kesepadan. Hal ini juga menjelaskan, keindahan tidak berdiri dan terbangun atas satu unsur, melainkan terikat kepada keperluan kepada unsur lain yang melengkapannya. Demikian sifat sesuatu yang diciptakan Allah S.W.T. Oleh kerana itu, keindahan lahir yang ditanggapi dan dinikmati oleh manusia dalam alam maknawi masih dan tetap terkait dengan sumber keindahan yang asal.

Berasaskan keterangan al-Quran dan Hadis serta pandangan ulama, dapat diletakkan suatu keyakinan bahawa sumber rujukan paling utama bagi memahami makna keindahan dan bagaimana cara keindahan itu terhasil sewajarnya dirujuk pada sifat luaran dan dalaman manusia (Adam a.s.) serta proses penciptaannya. Sifat luaran, dalaman dan proses penciptaan ini adalah suatu ciri yang boleh disebut sebagai `keadaman` yang menstruktur dan mendeskripsi makna keindahan. Meneliti hakikat kewujudan nabi Adam a.s. dan proses penciptaannya, dapat dirumuskan empat perkara penting iaitu;

- a. Manusia (menerusi penciptaan nabi Adam a.s.) merupakan puncak keindahan dalam alam dunia
- b. Penciptaannya berlaku berasaskan proses penyepaduan.
- c. Hakikat penciptaannya berkait langsung dengan alam dunia yang diletakkan padanya tugas kepimpinan dan amanah.
- d. Hakikat penciptaannya berkait langsung dengan ketetapan Allah untuk melantik pemimpin di dunia.
- e. Hakikat penciptaannya berkait langsung dengan keterangan ayat-ayat al-Quran, hadis dan kebenaran realiti kehidupan di muka bumi.

### KEADAMAN TEKS

Keindahan seperti yang disebutkan sebelum ini merupakan asas yang mengungguli karya kesusasteraan. Keindahan memiliki daya tarikan yang mendorong pembaca suka kepadanya. Manusia secara fitrahnya suka dan menggemari keindahan sesuai dengan fitrah kejadiannya yang indah dan sempurna. Keindahan ini menurut Muhammad Haji Salleh (2000:234-235) bersifat positif dan baik untuk pengarang dan khalayak serta membantu manusia lebih nyaman dan lebih manusiawi. Khalayak pembaca yang berhadapan dengan karya merupakan manusia yang menggemari keindahan. Keindahan dalam apa bentuk dan sifat dicintai oleh manusia tidak sekadar untuk memenuhi keinginannya yang menginginkan sesuatu yang indah, tetapi keindahan itu sebenarnya menjadi pendorong yang memandu gerak geri dan ilham manusia untuk bertingkah laku dengan tingkah laku yang baik-baik dan mulia.

Estetik merupakan satu-satunya unsur yang mengungguli dan menzahirkan makna keindahan. Dalam teks kesusasteraan unsur estetik terungkap dalam bahasa yang digunakan dan perutusan atau mesej yang hadir secara tersirat. Bahasa tampak indah dan menarik perhatian pembaca kepadanya kerana kemagnetikan estetiknya. Unsur estetik inilah juga meruntun inti kesusasteraan. Jelasnya, teks kesusasteraan memiliki keserasian dengan sifat nabi Adam (manusia) yang dapat menjelaskan dan mendeskripsi makna keindahannya. Selain itu, perutusan atau mesej dilihat sebagai keindahan dalaman yang dilihat secara terkait dengan fungsi-fungsi kerohanian dan realiti.

Nabi Adam a.s. dalam konteks pemahaman ini bukan sekadar makhluk manusia berilmu dan berfikiran yang paling sempurna ciptaan Allah SWT, tetapi daripada nabi Adam a.s. juga dapat diambil sebagai rujukan bagi memahami erti keindahan dari sudut unsur dan

proses penciptaan serta perkaitan penciptaannya dengan fungsi yang ditetapkan Allah menjadi khalifah di muka bumi. Memahami dan mengamati proses ciptaan Adam a.s., ini maka tergambar suatu kesepaduan proses yang dapat memahamkan makna keindahan.

Dengan kata lain, untuk memahami makna keindahan kita boleh sahaja merujuk indikasinya pada proses penciptaan manusiapertama iaitu nabi Adam. Keindahan dalam keadaan ini menampakkan dua asas kezahirannya, iaitu (1) kesepaduan dan (2) perkaitan.

Teks kesusasteraan yang dihasilkan pengarang juga memiliki ciri-ciri dan fungsinya sejajar dengan penciptaan dan fungsi manusia diciptakan. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa teks kesusasteraan adalah sebuah manifestasi keindahan Adam serta mengandungi ciri-ciri *keadaman* yang menjelma di hadapan khalayak dengan tugas menyampaikan perutusan-perutusan pengarang (pencipta karya) kepada manusia dengan sifat dirinya yang indah pula. Teks kesusasteraan juga teradun proses kejadiannya berasaskan kesepaduan pelbagai unsur luaran (fizikal) dan unsur dalaman seperti pemikiran, bahasa, idea, teknik dan sebagainya. Pengarang tidak menghadirkan karya dengan kosong makna, melainkan berkait dengan tujuan untuk menyampaikan pemikiran dan perutusannya agar sampai kepada khalayak. Di sinilah terzahirnya konsep *kesepaduan* dan *perkaitan* dalam penciptaan sesebuah karya kesusasteraan, sebagaimana proses penciptaan manusia pertama iaitu nabi Adam a.s. dan perkaitannya dengan tugas kerasulan di atas muka bumi.

### **PRINSIP KESEPADUAN**

Kesepaduan adalah proses yang dapat menunjukkan pertalian hubungan unsur-unsur tekstual yang membina makna teks. Aspek yang bersepadu meliputi unsur dalaman (idea/ pemikiran dan perutusan/mesej) dan unsur-unsur lahiriah teks (bahasa, bentuk, teknik, struktur).

Memahami makna teks daripada sudut kesepaduan ini sejajar dengan pandangan al-Faruqi (Mohd Affandi Hassan, 1992:13) yang menjelaskan, bahawa sifat kesusasteraan Islam tergambar dalam gabungan isi kandungan yang luhur dengan bentuk yang luhur. Bererti, keindahan tidak berupaya menampilkan sifatnya secara `solo` tanpa mengambil kira persoalan perutusan yang terkandung di dalam teks. Keindahan dalam konteks ini tidak bersifat autonomus, sebaliknya bersepadu dengan aspek lain seperti bentuk, bahasa dan perutusan untuk menampilkan sifat indahnya yang menyeluruh (holistik) itu. Jadi, kesepaduan adalah satu proses yang menyatukan aspek luaran teks dengan dalam teks. Dalam hal ini, kesepaduan itu dapat dilhat dan dikaji berasaskan dua bentuk kesepaduan, iaitu:

- a) Kesepaduan *stail* dengan pemikiran.
- b) Kesepaduan *stail* dengan perutusan agama Islam.

### **PRINSIP PERKAITAN**

Penciptaan manusia tidak tamat dengan kejadian Adam a.s. yang dimasukkan ke dalam ruang fizikal tubuhnya roh, tetapi berkait secara langsung dengan tugas kerasulan dan kekhilafahan, yakni membawa perutusan Allah SWT baik yang berupa berita gembira maupun peringatan dan amaran. Menyampaikan syariat kepada setiap umat serta menyampaikan dakwah untuk mengajak manusia menyembah Allah SWT dan meninggalkan toghut.

Tugas sebagai khalifah adalah suatu kebenaran di sisi agama dan berkait dengan realiti kehidupan umat manusia di muka bumi. Tugas ini pula terpikul oleh manusia bermula dengan para Rasul dan kemudiannya diteruskan oleh pewarisnya hingga ke akhir zaman. Sebagai khalifah Allah SWT, manusia dituntut untuk memakmurkan muka bumi ini yang bermaksud membina kesejahteraan dan keamanan sehingga ke hari kiamat. Manakala sebagai

hamba Allah, manusia disyariatkan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya (Samsina Abd.Rahman, 2013:80).

Dalam konteks sastera, teks kesusasteraan membawa bersamanya perutusan atau mesej daripada pengarang (sang pencipta) dengan tujuan agar perutusan itu memberi manfaat kepada kesejahteraan manusia. Ciri dan fungsi teks kesusasteraan menepati ciri-ciri dan fungsi manusia pertama yang diciptakan Allah. Kehadiran ciri dan fungsi ini juga dapat diistilahkan sebagai **keadaman**. **Keadaman** teks kesusasteraan bermaksud teks kesusasteraan memiliki sifat dan fungsi yang menyamai sifat dan fungsi nabi Adam a.s.

Berdasarkan fungsi manusia sebagai khalifah di muka bumi, tergambar dua perkaitan yang mempertalikan hubungan dan perkaitan tugas manusia, iaitu;

- a) Berkait dengan kebenaran keterangan al-Quran dan hadis.
- b) Berkait dengan realiti kehidupan manusia di muka bumi.

### **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Membaca dan menghayati sajak-sajak yang termuat dalam kumpulan puisi berjudul `Sewaktu Pesat Runduk` oleh Arifin Arif (2014), pembaca dapat membayangkan dalam fikiran dan menterjemahkan dalam tafsiran bahawa hampir 85 peratus sajak dalam kumpulan puisi ini membawa tema agama dengan beberapa persoalan seperti kecintaan terhadap Allah, keinsafan diri, dakwah dan persaudaraan Islam. Manakala dalam kumpulan puisi `Jelita seorang Aisyah` (2016) karya Sabara Jais, kumpulan puisi `Akta Batin` karya Norawi Hj Kata (2013), kumpulan puisi `Negeri wangi` (2013) karya Ramlie A.R. juga dapat ditemui sajak-sajak yang bernuasa Islami dan beberapa buah sajak dalam Kumpulan puisi `Suara yang terbuka` (2014) karya Hasyuda Abadi.

Menghayati sajak-sajak ini, pembaca dapat menyelami luatan fikir penyair yang berombak dengan suara Islami. Akar agamawi yang menjadi tempat penyair berpijak kelihatan kukuh dengan keyakinan kepada Tuhan, kuat pegangan akidahnya, sedar dengan kelemahan diri, cakna dalam hubungan sesama Muslim dan bersikap dengan sikap kehambaan dengan Tuhan. Perkara yang dapat dikesan daripada pengungkapan sajak ini tentu tidak tergambar dan tertulis dengan bersahaja dan kosong makna, melainkan penyair itu mempunyai gagasan yang jelas ingin disampaikan, perutusan yang bermakna untuk dilontarkan kepada pembaca. Menurut Othman Puteh (2004), seseorang pengarang mengarang kerana ada sesuatu yang ingin disampaikan. Dengan itu, penyair tidak sekadar menampilkan kebijaksanaannya dalam *stail* mengarang, tetapi juga kebijaksanaan dalam menyampaikan perutusan kepada pembaca.

Menyampaikan perutusan bererti menyampaikan sesuatu yang bertujuan khusus supaya sampai kepada pembaca kebaikan dan manfaat. Dalam hal menyampaikan perutusan ini, manusia diperintahkan supaya menyampaikan dengan baik dan berhikmah, yakni dengan cara yang terbaik, indah dan bijaksana. Cara yang baik dan indah ini tentulah berkait dengan penggunaan bahasanya, suasananya, sandarannya dan tujuannya. Maka dengan itu, cara yang baik dan indah itu dapat pula menghasilkan dan menampakkan keindahan yang lebih tinggi pula, iaitu yang terkait langsung dengan keindahan agama Islam.

### **KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN TENTANG KEBESARAN TUHAN**

Sajak-sajak yang termuat dalam kumpulan puisi `Sewaktu pesawat runduk` karya Arifin Ariff kebanyakannya menampakkan *stail* yang menyatakan pemilihan diksi yang baik dengan

pemikiran tentang kebesaran Tuhan. Berkenaan dengan sajak penyair ini, Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad (2014), dalam kajian mereka menyebutkan, bahawa sajak-sajak Arifin Arif mempunyai kaitan langsung dengan prinsip ketahuhanan yang berhubungan dengan sifat Kamal Tuhan.

Kesepadan diksi yang diambil daripada beberapa nama Tuhan (asma al-husna) tepat dalam konteks pemikiran penyair untuk memerihalkan kebesaran Tuhan dengan sifat *al-Jabbar, al-khafi, al-Malik, a-Mutakabbir dan al-Quddus*. Penyair daripada satu sudut tergambar dalam hubungan yang sangat dekat dengan Tuhan.

*Al-Hakam* adalah salah satu sifat Tuhan yang bererti yang menetapkan hukum-hukum bagi sekelian makhluk-Nya. Dialah yang menyediakan dan menghukumkan atas makhluk-Nya. Kerana itu, dalam menyatakan kebesaran Tuhan sebagai Tuhan yang berhak membuat hukum dan menghukum, penyair tidak mampu menyembunyi suatu apa pun kesalahan dan dosa daripada perhitungan Tuhan. Tiada yang terlepas daripada perhatian Tuhan dan semua indera menjadi saksi di hadapan Tuhan tatkala dibicarakan. Penyair menyebutkan kebesaran sifat *al-Hakam* Tuhan dan kelemahan dirinya yang tidak terelak dari perhitungan neraca Tuhan kelak:

Tiada terlepas  
Dari mata kasih-Mu  
Tiada terlepas  
Mata yang tunduk hina  
Menyembunyikan noda. (Baris 1-5)

(Arifin Arif, 2014:2)

Semua anggota pancaindera pula menjadi saksi di hadapan Tuhan tatkala perbicaraan dilakukan kelak dan di waktu Tuhan berkuasa menghukum dengan keadilan-Nya atas setiap perbuatan yang dilakukan penyair:

Semua indera bersaksi  
Di depan neraca  
Keadilan Ilahi (baris 9-11)

(Arifin Arif, 2014:2)

Dalam sajak `al-Jabbar`, penyair menunjukkan sifat kebesaran Tuhan yang berkuasa memaksa makhluk-Nya menurut kehendak-Nya. Dialah yang maha gagah menakluk setiap sesuatu. Penyair menyedari kebesaran kuasa Tuhan yang dengan iradat-Nya mampu menentukan sesuatu atas kehendak-Nya. Mas Rynna Wati Ahmad (2013) menyebutkan, `*God's greatness immeasurably transcends our cognitive faculties, and that we can only form a very dim and imperfect idea of it*.` Kebesaran Tuhan mengatasi keupayaan kita. Dengan iradat-Nya jugalah bermula cahaya Islam di Gua Hira' dan Dialah yang dengan sifat *al-Jabbar* menentukan kelam atau benderangnya hati manusia menerima hidayah atau menolak Islam. Penyair menyebutkan:

Iradah menakluk arah, sebutir pasir hayat  
Tawaduk sepanjang marhalah, tiada kuasa  
Selain Ahad, dari percikan Hira, nur tumpat di gua

Inayat, jika kelam atau benderang, hanya  
Kudrat-Nya menatap cahaya di ufuk bathin. (Baris 1-5)

(Arifin Arif, 2014:3)

Penyair dalam dua buah sajak ini memilih diksi-diksi yang bersifat Islami yang sesuai untuk menggambarkan sifat kebesaran Tuhan itu sendiri. Pemilihan diksi yang bersifat Islami yang dikutip dari nama-nama asma al-husna itu, sebenarnya dipilih dengan sedar oleh penyair, dengan ilmu dan keyakinannya bahawa diksi itulah yang paling tepat dan paling indah dan terbaik untuk menyampaikan pemikirannya tentang kebenaran Tuhan yang perlu disedari pembaca. Menyampaikan ilmu tentang kebenaran Tuhan itu adalah sebahagian daripada tugas manusia mendakwah manusia lain tentang sifat-sifat Tuhan, asma al husa Tuhan, sebagaimana ustaz-ustaz dan ahli agama menyampaikan kuliah fardu ain di masjid-masjid. Demikian juga dilakukan Penyair Arifin Arif menerusi sajak-sajaknya dalam kumpulan puisi `Sewaktu pesawat runduk` . Pemikiran Islamiah dalam dirinya disebut dengan jelas dan dapat difahami maksudnya jika pembaca menelusuri pernyataan penyair dalam catatan prakata buku ini seperti mana berikut:

Semoga puisi yang berhasil ini bermanfaat dalam menyemarakkan dakwah islamiah, seterusnya memperkayakan lagi khazanah puisi berunsur Islam di Malaysia`.

(Arifin Arif, 2014:xii)

### **KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN TENTANG MENGENAL HAKIKAT DIRI**

Selain pemilihan diksi, terdapat juga unsur gaya pengulangan digunakan penyair bagi menyampaikan pemikirannya tentang erti kelemahan diri baik di sisi Tuhan mahupun di sisi manusia yang berjasa. Penyair Ramlie A.R. dalam sajak `Di sisi-Mu` (Ramlie A.R., 2013:41), `Mengingati ibu (Ramlie A.R., 2013:62) dan sajak `Mengenal syukur` (Ramlie A.R., 2013:61). Dalam sajak `Di sisi-Mu`, penyair menggunakan unsur pengulangan anafora `lebih` dan `sudah` untuk menggambarkan bahawa dirinya menjadi lebih mengenal diri tatkala berada di sisi Tuhan.

Berada di sisi-Mu  
Aku mengenal wujud diri  
Lebih diam dari bersuara  
Lebih meminta dari berhak  
Lebih mendengar dari berhujah  
Lebih menilai dari memperkata. (Baris 1-6)

(Ramlie (A.R., 2013:41)

Dengan berada dekat di sisi Tuhan, sama ada dalam ibadah mahupun amalan seharian, mengingat Tuhan penyair faham bahawa dalam banyak keadaan dia perlu mengurangkan bercakap dengan mengambil sikap berdiam adalah lebih baik. Hal ini tepat dengan saranan hadis yang menyebutkan bahawa ` Barang siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat

maka hendaklah ia berkata baik atau hendaklah ia diam` . (*Muttafaq 'alaik: Al-Bukhari: 6018; Muslim: 47*)

Imam Abu Hatim Ibnu Hibban Al-Busti berkata dalam kitabnya, *Raudhah Al-'Uqala wa Nazhah Al-Fudhala*, (hlm. 45), "Orang yang berakal selayaknya lebih banyak diam daripada bicara, kerana betapa banyak orang yang menyesal karena bicara dan sedikit yang menyesal karena diam. Orang yang paling celaka dan paling besar mendapat bagian musibah adalah orang yang lisannya senantiasa berbicara, sedangkan pikirannya tidak mau jalan"

Penyair juga menyebutkan;

Lebih mendengar dari berhujah  
Lebih menilai dari memperkata. (Baris 5-6)

(Ramli (A.R., 2013:41)

Hal ini juga menepati dengan apa yang disebutkan oleh Imam Abu Hatim Ibnu Hibban Al-Busti dalam kitabnya berjudul *Raudhah Al-'Uqala wa Nazhah Al-Fudhala* (<https://www.hidayatullah.com/kajian/oase-iman>) berkata bahawa, "Orang yang berakal seharusnya lebih banyak mempergunakan kedua telinganya daripada mulutnya. Dia perlu menyadari bahawa dia diberi dua telinga, sedangkan diberi hanya satu mulut, supaya dia lebih banyak mendengar daripada berbicara.

Penggunaan unsur anafora `lebih` menunjukkan penyair ingin memberitahu dengan sungguh-sungguh pemikirannya tentang sifat lemah manusia sebagai hamba kerana dalam waktu yang lain juga manusia sentiasa lupa pada kebesaran Tuhan dan tidak berasa `lebih` mengerti hakikat kelemahan diri. Justeru, penyair dengan kesedaran atas kelemahan diri itu memohon pada Tuhan kemaafan.

Di sisi-Mu  
Aku selalu lupa mengingati-Mu  
Ya Rob, maaf aku. (Baris 13-15)

(Ramli (A.R., 2013:41)

Penyair juga menunjukkan pemikirannya tentang kelemahan sebagai anak yang dilahirkan dalam suasana kepayaan. Suasana kepayaan yang dikaitkan dengan kelahirannya itu disesuaikan dengan unsur metafora, personifikasi dan hiperbola yang bersepada baik dalam baris-baris sajak. Penyair menggunakan unsur metafora, personifikasi dan hiperbola seperti berikut;

**Sebuah pagi luka** (baris 2) - metafora  
**Siang merangkak membara** (baris 3) - personifikasi + hiperbola  
**Pelukan malam sejuk dan berangin** (baris 4) – personifikasi + hiperbola

Suasana pagi, siang dan malam benar-benar kelihatan sukar dan memeritkan jiwa manusia. Sebagai anak yang dilahirkan, penyair cukup terkesan dengan diri manusia bernama ibu yang melahirkannya dalam suasana kepayaan dan memeritkan itu. Kelemahan dirinya yang dilahirkan dalam suasana kepayaan itu digandakan lagi dengan unsur hiperbola dalam rangkap kedua sajak.

**Hidup bersama ngeri  
Derita di setiap ruang  
Pilu dan sedih tersangkut  
Di bulan sabit** (baris 5-8)

(Ramlie A.R., 2013:62)

Dengan unsur metafora, hiperbola dan personifikasi yang disepadukan dengan baik, pembaca mudah terkesan pemikiran penyair tentang kerendahan dan kelemahan diri manusia. Inti pemikiran tentang kelemahan dan kerendahan diri ini juga diungkap penyair dalam sajak `Mengenal diri` (Ramlie AR, 2013:60) yang disepadukan dengan unsur hiperbola dan personifikasi yang indah dan cantik. Hal ini dapat diperhatikan dalam rangkap pertama sajak:

**Kupanjatkan sejuta doa** – hiperbola  
**Dengan pedih perit yang payah** - hiperbola  
**Bersama derita sakit yang menyiksa** – hiperbola + personifikasi  
**Resah orang terdesak dan tewas.** (Baris 1-4) - hiperbola

(Ramlie A.R., 2013:60)

Akhirnya, dengan kerendahan dan kelemahan itu, penyair kembali kepada Tuhan sebagai tempat bergantung.

Ya, Allah  
Izinkan aku berpaut di ranting  
Kasih dan reda-Mu (baris 16-18)

(Ramlie A.R., 2013:60)

Menyedari kelemahan dan kerendahan diri dalam konteks sajak ini sebenarnya membuka suatu pesanan atau perutusan kepada pembaca tentang pentingnya manusia itu mengenal hakikat diri sebagai makhluk yang diciptakan dan sentiasa bergantung kepada sang Penciptanya atas segala keperluan.

Perutusan yang disampaikan penyair dalam sajak ini sejajar dengan gesaan Allah seperti yang difirmankan dalam al-Quran (Surah *al-Ikhlas*: 2), bermaksud; “Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu”. Ahli tafsir berkata: “Ash-Shomad artinya Allah menjadi tempat bergantungnya para hamba dalam memenuhi segala keperluannya.”

#### **KESEPADUAN STAIL DENGAN PERUTUSAN TENTANG HUBUNGAN SESAMA MANUSIA**

Kecaknaan terhadap manusia sesama manusia khususnya sahabat terdekat juga tergambar dalam pemikiran penyair Sabah. Ini dapat dilihat dalam beberapa buah sajak karya Norawi Hj Kata berjudul `Doa lelaki sepi` (Norawi Hj Kata, 2013:3), `Kau harus bangkit perempuanku` (Norawi Hj Kata, 2013:8-9), `Sajak kepada seorang sahabat` (Norawi Hj Kata, 2013:15-16) `Dia lelaki sepi` (Norawi Hj Kata, 2013:23), `Pesta dunia` (Norawi Hj Kata, 2013:105) dan beberapa yang lain.

Kecaknaan terhadap manusia lain termasuk dalam kewajipan Muslim menjaga hubungan sesama makluk, apatah lagi manusia itu berjenama Muslim. Imam al-Ghazali memberi pandangan bahawa hak seorang Muslim ke atas Muslim yang lain ialah memberi pertolongan kepada saudaranya yang mempunyai hajat dan keperluan mengikut kemampuan mereka. Pandangan ini menjelaskan bahawa wajib memberi pertolongan kepada saudara-saudara yang dalam kesulitan tanpa menunggu permintaan dari mereka. Bantuan yang diberikan mengikut kadar kemampuan masing-masing. Setiap individu wajib menghormati dan mengasihi saudaranya.

Inti pemikiran tentang konsep menjaga hubungan sesama Muslim ini dapat dilihat dalam sajak `Sajak kepada sahabat` karya Norawi Hj Kata. Kecaknaan ini digambarkan melalui mimpi penyair tentang ibunya yang sakit dan teringat kisah-kisah ibu itu walaupun pada hakikatnya ibu penyair sudah lama meninggal dunia. Berpedomanan mimpi itu, penyair menasihatkan sahabatnya agar segera kembali ke kampung bertemu dengan ibunya kerana penyair percaya ibu sahabatnya itu sedang merindui sahabatnya itu. Kecaknaan itu disampaikan dengan gaya naratif yang indah, berhikmah dan lemah lembut. Penyair menyebutkan:

Segeralah balik ke tanah kelahiranmu, sahabatku  
**Meski aku berat melepaskan** kerana anak-anak  
Dan kami di sini masih memerlukan  
Namun **demi seorang ibu** yang telah lama menunggu  
Baliklah segera, **persahabatan kita takkan putus**  
Di sebalik pandangan (baris 24-29)

(Norawi Hj Kata, 2013:16)

Kecaknaan ditunjukkan dengan gaya penyampaian yang penuh hikmah, berisi dengan rasa tanggungjawab sesama manusia dan juga dalam masa yang sama menyampaikan perutusan tentang kewajipan meraikan dan mendahulukan ibu berbanding dengan kepentingan diri sendiri. Meskipun persahabatan juga penting, namun penyair lebih faham tentang keutamaan mendahulukan ibu berbanding kepentingan yang lain. Perutusan ini sejajar dengan ajaran Islam yang meletakkan ibu pada kedudukan keutamaan yang tinggi sebagaimana maksud hadis nabi SAW berikut:

Dari Mu'awiyah bin Haidah Al Qusyairi *radhiallahu 'ahu*, beliau bertanya kepada Nabi:

"Wahai Rasulullah, siapa yang paling berhak aku perlakukan dengan baik?  
Nabi menjawab: Ibumu. Lalu siapa lagi? Nabi menjawab: Ibumu. Lalu siapa lagi? Nabi menjawab: Ibumu. Lalu siapa lagi? Nabi menjawab: ayahmu, lalu yang lebih dekat setelahnya dan setelahnya"

(Hadis Riwayat Al-Bukhari).

Kecaknaan terhadap sesama manusia juga tergambar dalam sajak `kau harus bangkit perempuanku` (Norawi Hj Kata, 2013:8-9). Dengan menggunakan unsur metafora, anafora dan alusi, penyair membuka pemikirannya tentang pentingnya kesedaran sebagai jalan merubah diri menjadi manusia yang lebih maju, rasional dan futuristik. Sajak `Kau harus bangkit perempuanku` sebuah sajak dedikatif yang ditujukan khusus kepada `perempuan` yang dicaknai penyair.

Beberapa unsur metafora dimanfaatkan untuk menyampaikan pemikirannya secara tersirat. Antaranya, 'kamar bathinmu', 'sejarah maha halus' 'jendelamu', 'Langit Rahmat', 'Sungai kehidupan' dan Laut sengsara'. Metafora ini membawa tanda-tanda kesedihan yang tersimpan secara batiniah dalam diri perempuan. Justeru, penyair dengan sifat kecaknaan itu mahu supaya, perempuan itu bangkit. Untuk bangkit, penyair menyeru dengan gaya anafora berulang kali:

Kau harus bangkit  
Kau harus berjuang  
Kau harus belajar (baris 7-9)  
...  
...  
Kau harus gagah (baris 11)

(Norawi Hj Kata, 2013:8)

Bagi menunjukkan jalan yang terbaik dalam membawa diri yang bangkit itu, penyair dengan gaya alusi yang disepadukan dengan unsur hiperbola dan anafora menampilkan watak Muslimah iaitu Khadijah dan Aisyah (isteri-isteri nabi) sebagai ikon yang wajar dicontohi.

**Kau harus** bangkit perempuanku  
**Kau harus** jadi **Khadijah dan Aisyah**  
**Kau harus** menjadi **bunga semerbak mewangi** (baris 16-18)

(Norawi Hj Kata, 2013:9)

Penggunaan unsur anaphora 'kau harus` yang diulang tiga kali dalam rangkap sajak, menunjukkan kesungguhan penyair yang mahu perempuan bangkit dari kekosongan diri. Bukan sekadar perempuan itu harus bangkit, penyair juga mahu dengan nada yang `mendesak` agar perempuan itu mengambil contoh perempuan-perempuan yang mulia dan berakhhlak terpuji seperti Khadijah dan Aisyah. Dua orang wanita yang ditunjukkan untuk diteladani adalah isteri-isteri Rasulullah SAW yang sangat mulia dalam sejarah Islam. Pada baris ke-18, penyair sekali lagi menggunakan unsur anafora untuk mempertegas keharusan perempuan menjadi manusia yang dapat memberi kebaikan dengan akhlak yang terpuji sebagaimana yang diungkap penyair, `...menjadi **bunga semerbak mewangi**` (baris 18).

Kesepaduan penggunaan unsur gaya bahasa anafora, hiperbola dan alusi memberi dua kesan dalam deria estetika iaitu, kesungguhan yang indah dan perutusan yang mengesankan kebaikan. Apatah lagi penyair dalam waktu yang sama mempersentangkan unsur-unsur ini dengan sifat-sifat buruk yang sepatutnya perempuan itu hindari seperti ungkapan berikut;

Menyingkarkan dendam  
...  
...  
Pujukan dan pujian yang bias menenggelamkan mu  
Pujukan dan pujian yang bias menghanyutkanmu

...

...

Singkirkan kemanisan kata-kata.

(Norawi Hj Kata, 2013:8-9)

*Stail* yang dikesan dalam persajakan gaya Norawi Hj.Kata adalah suatu pemilihan yang disengajakan dan berisi ilmu dan perutusan yang sangat berguna kepada manusia seluruhnya.

### **KESEPADUAN GAYA ALUSI DENGAN PEMIKIRAN TENTANG KEHEBATAN CINTA KEPADA TUHAN**

Gaya alusi ialah gaya yang merujuk kepada sesuatu peristiwa atau tokoh besar sebagai kiasan untuk menyampaikan maksud kehebatan sesuatu yang dikiaskan. Misalnya penggunaan nama-nama tokoh besar wanita Islam atau tokoh-tokoh Rasul, nabi, pemimpin negara dan lain-lain.

Gaya alusi ini dapat dikesan dalam beberapa buah sajak hasil karya Sahara Jais. Antara sajak tersebut ialah `Kulamar talbiah rindu di keajaiban cinta seorang Rabiatul Adawiyah` (ms.3), `Mawar sakinah` (Norawi Hj Kata, 2013:13), `Akukah` (Norawi Hj Kata, 2013:38) dan beberapa yang lain.

Tokoh-tokoh wanita Islam yang ditampilkan dalam sajak-sajak ini bukan sekadar untuk memberi nilai indah kepada sajak, tetapi berupaya menampakkan puitika islami dari sudut peranan dan kepentingan perutusannya kepada pembaca. Misalnya, Sahara Jais menampilkan Rabiatul Adawiyah sebagai seorang wanita Islam yang dilengkapi puitika Muslimah yang solehah, zuhud dan tinggi imannya. Selain Rabiatul Adawiyah, terdapat juga nama tokoh wanita Islam yang terkenal mulia seperti Siti Khadijah isteri Rasulullah SAW, Siti Hajar isteri nabi Ibrahim a.s. Masyita perempuan hamba kepada Firaun dan Fatimah az-Zaharah, puteri Rasulullah SAW.

Dari satu sudut, pemilihan tokoh-tokoh wanita Islam yang penting dan ternama ini mempunyai kaitan langsung dengan sejarah Islam, keterangan-keterangan al-Quran dan juga realiti kehidupan wanita pada masa kini dan akan datang. Misalnya, kisah Rabiatul adawiyah yang dinukilkhan dalam sejarah sebagai wanita yang tinggi keagungan cinta kepada Allah, sehingga penyair dengan penuh syahdu berseru dalam bisikan indah kepada Tuhan mengharapkan supaya cahaya keagungan cinta Rabiatul Adawiyah itu menaungi pesona cinta penyair kepada Tuhan.

Rabiatul Adawiyah adalah sumber alusi yang tepat bagi sebuah kiasan kehebatan dan keagungan cinta manusia kepada Tuhan. Dengan gaya metafora yang disepadukan dengan diksi Islami dan unsur metafora, penyair berjaya mengangkat pemikiran tentang nilai kehebatan cinta yang dijadikan referensi terindah dan terbaik bagi diri penyair dalam mendabai cintanya kepada Tuhan. Dalam rangkap terakhir sajak, terkesan keindahan suara hati penyair mendambai harapannya kepada Tuhan agar dia mampu dan berupaya meraih nilai cinta sehebat cinta Rabiatul Adawiyah;

**Ya Rabbi, di pintu Nur-Mu  
Kulewati Kausar Sakinah  
Kupintal putih tasbih wangi asrar mahabbah-Mu  
Menyentuh lembut mengakrabi muhasabahku**

Saujana memuitih **cahaya rindu**  
Di keagungan cinta seorang **Rabiatul Adawiyah**. (Baris 13-18)

(Sahara Jais. 2016:3)

Unsur metafora yang digunakan penyair ialah **pintu Nur-Mu, Kausar Sakinah** dan **cahaya rindu** dalam rangkap di atas menunjukkan kekuatan daya fikir Islami yang mendasari pemikiran penyair. Unsur metafora ini dapat berdiri utuh sebagai alat kias banding yang sepadan dengan maksud keagungan cinta kepada Tuhan. Sebagai bandingan, penyair menampilk tokoh wanita Rabiatul Adawiyah yang diakui sejarah sebagai wanita sufi dan solehah memiliki keagungan cinta kepada Tuhannya. Menurut W.Ab Shatar (2019) menyebutkan Kecintaan Rabiah kepada Allah berjaya melewati pengharapan untuk beroleh syurga Allah semata-mata. Hai ini dapat dilihat dalam komunikasi jiwanya dengan Allah SWT yang berbunyi:

“Jika aku menyembah-Mu kerana takut daripada api neraka Mu,  
maka bakarlah aku di dalamnya! Dan jika aku menyembah-  
Mu kerana tamak kepada syurga-Mu, maka haramkanlah aku daripadanya!  
Tetapi jika aku menyembah-Mu kerana kecintaanku kepada-Mu maka  
berikanlah aku balasan yang besar, berilah aku melihat wajah-Mu yang Maha  
Besar dan Maha Mulia itu.”

(Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar, 2019)

Pemilihan tokoh Rabiatul Adawiyah adalah satu pemilihan yang tepat sebagai satu referensi alusi bagi penyair membuat kias banding cintanya kepada Tuhan seperti cinta Rabiatul Adawiyah yang sangat agung itu.

Berdasarkan analisis yang dilakukan ke atas sajak-sajak pilihan lima orang penyair Sabah, kajian ini dapat membuktikan bahawa unsur gaya bahasa seperti metafora, personifikasi, alusi, anafora dan hiperbola dihadirkan dengan sedar oleh penyair dan bertujuan khusus untuk menyampaikan pemikirannya tentang kebesaran tuhan, mengenal hakikat diri, kecaknaan sesama manusia dan kehebatan cinta terhadap tuhan.

Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa *stail* yang bersepado gaya bahasa dengan pemikiran bersepado pula dengan perutusan yang ingin disampaikan penyair. Perutusan agama yang indah bagi menyedarkan pembaca bahawa kebesaran tuhan itu tergambar dalam Asma al-Husna-Nya dan membawa maka kebesaran yang benar dan maha indah. Demikian juga dengan perutusan supaya pembaca mengenal hakikat diri dan ambil peduli sesama manusia serta membawa pembaca untuk memahami nilai kehebatan cinta manusia terhadap Tuhan.

Dua prinsip, iaitu kesepaduan dan perkaitan daripada teori *Estetika Bersepado* yang digunakan sebagai kerangka analisis dalam kajian ini dapat menunjukkan jalan bagi menempatkan *stail* dan perutusan pada titik kesepaduan dan perkaitan yang jelas dan terarah kepada objektif kajian.

## KESIMPULAN

Analisis dan perbincangan ke atas sajak-sajak pilihan lima penyair Sabah menerusi lima kumpulan puisi mereka menunjukkan signifikasi kesepadan *stail* dengan perutusan yang ingin disampaikan kepada pembaca. Unsur gaya bahasa seperti metafora, hiperbola, personifikasi, pemilihan diksi, anafora, gaya Islami, alusi dan sebagainya yang berdiri sebagai sebahagian daripada unsur fizikal puisi tidak berdiri sendiri melainkan bersepada dengan pemikiran penyair. Kesepadan inilah membentuk *stail* iaitu pemilihan gaya bahasa yang menyatu dengan ilmu dan mengesankan nilai estetika yang dalam sajak.

*Stail* yang terbangun daripada kesepadan gaya dengan pemikiran itu berkait dan bersepada pula dengan perutusan yang ingin disampaikan penyair kepada pembaca. Hal inilah yang memancarkan signifikasi nilai keindahan teks yang bersumber pada sifat keadaman.

Signifikasi ini memberi maksud, keindahan dalam sajak-sajak yang dihasilkan lima tokoh penyair Sabah ini tidak menampilkan unsur estetik gaya bahasa bagi tujuan menampilkan keindahan sajak semata-mata, tetapi membawa makna keindahan yang lebih besar, iaitu menyampaikan pemikiran yang indah dan perutusan-perutusan kebaikan untuk pembaca. Menyelusuri makna keindahan berlandaskan prinsip kesepadan dan perkaitan membuktikan bahawa eksistensi estetika yang terbangun daripada proses kesepadan unsur gaya bahasa yang indah dengan pemikiran penyair yang juga indah dan perutusan agama yang juga indah untuk kehidupan manusia yang baik dan indah pula.

## RUJUKAN

- Al-Quran dan terjemahannya*.1428 H. Cetakan Kerajaan Arab Saudi.
- A.Halim Ali, Norazimah Zakaria & Ariff Mohamad. 2017. Gambaran Budaya Masyarakat Brunei dalam Kumpulan Puisi Diam-diam Karya K. Manis. *Jurnal Melayu*, 16(2), 45-60.
- Abdul Halim Ali. 2010. Konsep Estetika Bersepada dan Terapan ke atas Sajak-Sajak Ahmad Kamal Abdullah. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Abdul Halim Ali. 2010. Konsep Estetika Bersepada: Satu Kaedah Baharu Kaedah Kritik Estetik Dalam Kesusastraan Melayu, *Jurnal Peradaban Melayu*, Institut Peradaban Melayu. 9, issue 1, 84-104.
- Abdul Halim Ali. 2011. Proses Kreativiti A.Samad Said Berasaskan Teori Teksdealisme. *Jurnal Melayu*, 6, 153-168
- Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah.2018. Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel *Diari Seorang Jururawat* Karya Aminah Mokhtar. *Journal of Nusantara Studies*, Vol.3, No.2, 147-161.
- Abu Hassan Abdul, Azman Bado, A. Halim Ali, Wahibah Twahir@H Tahir.2018. Penerapan Sifat Kamalullah Dalam Puisi Sufistik Taman Taqwa. *Journal Sains Humanika*, 1, issue 3-4
- Arissa A, 2019. Diam-adalah-pilihan-terbaik. Muat turun 13 Mac, 2019 dari <http://www.yadim.com.my/v2>
- Arifin Ariff. 2014. *Sewaktu Pesawat Runduk*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.

- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. 2014. Puisi-Puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah. *Manu, Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, Bil. 20, 81-108.
- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. 2015. Sumbangan Penulis Wanita dalam Sejarah Penulisan Kreatif di Sabah. *Jurnal Gendang Alam*, 5, 25-38.
- Azman Ismail.2007. Sastera Sabah Masih Ketinggalan. *Utusan online*, 1 Oktober, 15
- Braginsky. I.V.1994. *Erti Keindahan Dan Keindahan Erti Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din, et al. 1997. *Manusia Dan Islam*. (Jld Dua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasyuda Abadi. 2014. *Suara Yang Terbuka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Hasyuda Abadi. 2017. Definisi-puisi-mengikut-para-penyair. Muat turun Mac 13, 2019 dari <http://hasyuda-abadi.blogspot.com>
- Imam Abu Hatim Ibnu Hibban Al-Busti. 2020. lisan-yang-membahayakan. Muat turun Jan 7, 2020 dari <https://www.hidayatullah.com>
- Mas Rynna Wati Ahmad. 2013. Finding God In Dinsman's It Is Not A Suicide: An Islamic Metaphysical Approach. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(3), 223-235.
- Mohamad Hj Salleh. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Affandi Hassan.1996. *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norawi Hj Kata. 2013. *Akta Batin*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Ramlie A.R. 2013. *Negeri Wangi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Sahara Jais. 2016. *Jelita Seorang Aisyah*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Samsina Abd. Rahman. 2013. Kembali Ke Fitrah Dalam Puisi-Puisi Suhaimi Haji Muhammad. *Jurnal Melayu*, 1, 79- 98.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2006. Najat: Tinjauan Awal terhadap Lakuan Bahasa dan aspek Sosiobudaya Bajau. *Jurnal Melayu*, vol. 2, 79-93
- Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar, 2019. Tokoh Tasawwuf Islam Rabiatul Adawiyah. Muat turun Mac 13, 2019 dari <https://www.academia.edu>
- Yulian Purnama, 2016. Kedudukan ibu lebih utama. Muat turun Mac 13, 2019 dari <https://Muslim.or.id/27393-.html>.

#### Biodata Penulis:

**A.HALIM ALI** adalah pensyarah daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.